

**NO. SOALAN: 328**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD  
[ PASIR PUTEH ]**

**RUJUKAN : 9117**

**SOALAN:**

**Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [ Pasir Puteh ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan kes-kes membunuh diri di Malaysia dari tahun 2010 hingga 2015. Apakah punca-punca yang menyebabkan mereka bunuh diri.**

**JAWAPAN:**

Kejadian membunuh diri atau cubaan untuk membunuh di kalangan penduduk Negara ini disebabkan oleh pelbagai faktor seperti masalah kewangan, tekanan jiwa, kecewa dalam percintaan, masalah keluarga dan sebagainya.

**Statistik bunuh diri di seluruh Negara bagi tahun 2010 sehingga 2015 seperti berikut:-**

KONTINJEN	TAHUN					
	2010	2011	2012	2013	2014	2015
<u>JOHOR</u>	58	64	50	62	69	68
<u>KEDAH</u>	21	17	28	38	31	45
<u>KELANTAN</u>	9	8	10	13	11	11
<u>K/LUMPUR</u>	12	21	17	19	18	30
<u>MELAKA</u>	10	11	11	13	11	11
<u>N/SEMBOLAN</u>	28	16	29	28	32	21
<u>PAHANG</u>	26	17	30	33	21	20
<u>PERAK</u>	81	66	92	65	69	58
<u>PERLIS</u>	2	2	3	3	3	2
<u>P/PINANG</u>	18	18	25	39	41	35
<u>SABAH</u>	3	3	14	17	20	25
<u>SARAWAK</u>	9	8	20	26	30	21
<u>SELANGOR</u>	89	101	76	94	81	76
<u>TERENGGANU</u>	4	7	7	6	5	5
<b>JUMLAH</b>	<b>370</b>	<b>359</b>	<b>412</b>	<b>456</b>	<b>442</b>	<b>428</b>

**Antara langkah-langkah kesedaran untuk membendung masalah bunuh diri atau cuba membunuh diri seperti berikut:-**

**1. Bimbingan Kaunseling dan Perkhidmatan Psikoterapi.**

Perkhidmatan psikoterapi merupakan sejenis rawatan gangguan bunuh diri melalui kaedah psikologi. Kaedah kaunseling mampu membantu individu yang bermasalah agar mengurangkan konflik hidup mereka. Perkhidmatan kaunseling dan psikoterapi berperanan menyediakan ruang untuk mangsa meluahkan isi hati mereka. Pihak kaunselor akan memberikan nasihat bagi membantu individu tersebut menyelesaikan masalahnya. Dalam masa yang sama, kaunseling juga diberikan kepada keluarga mangsa bunuh diri supaya dapat mengurangkan tekanan terhadap mangsa. Dengan itu, jelaslah bahawa kaunseling dan perkhidmatan psikoterapi merupakan satu langkah yang penting dalam mengelakkan kes bunuh diri.

**2. Pendidikan Agama atau Moral juga mampu mengatasi masalah bunuh diri.**

Agama dipandang sebagai unsur penting untuk menanam ciri-ciri kemanusiaan yang mulia. Ibu bapa harus memberi pendidikan agama kepada anak-anak mereka sejak kecil lagi kerana “anak ibarat kain putih, ibu bapa yang mencorakkannya”. Individu yang mempunyai asas nilai-nilai murni mampu menguasai nafsu mereka. Pendidikan moral dan agama boleh mengatasi masalah jiwa kosong dan memberikan kesedaran melawan nafsu yang keterlaluan. Dengan kesedaran tersebut, seseorang akan sentiasa bersyukur dengan kurniaan Tuhan. Pendidikan agama atau moral dapat mengurangkan tekanan bunuh diri.